



FEBRUARI

BULETIN MAQIS 2026

1 Februari 2026 | Bukit Beruang, Melaka

PROGRAM PENDAKIAN SANTAI BUKIT BERUANG



Program Pendakian Santai di Bukit Beruang, Melaka telah berjaya dilaksanakan dengan penyertaan Pengarah MAQIS Negeri bersama beberapa pegawai MAQIS. Aktiviti ini bukan sahaja bertujuan memupuk amalan gaya hidup sihat dalam kalangan warga kerja, malah turut mengeratkan ukhuwah serta memperkukuh semangat berpasukan.



7 Februari 2026 | Pengkalan Hulu, Perak

LAWATAN KE TAPAK PROJEK PEMBINAAN PAGAR PERIMETER DI PENGKALAN HULU SERTA MAJLIS AMANAT KETUA PENGARAH BERSAMA PEGAWAI MAQIS NEGERI PERAK

Ketua Pengarah MAQIS, Tuan Shamsul Akbar bin Sulaiman telah mengadakan lawatan ke tapak projek pembinaan pagar perimeter tanah MAQIS di Pengkalan Hulu. Turut hadir ialah Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan, Tuan Yasser Arafat bin Zainal Rashid, serta Penolong Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan, Tuan Muhamad Syazwan Aquiddin bin Ngah. Pada kesempatan tersebut, Ketua Pengarah MAQIS turut menyampaikan amanat kepada pegawai MAQIS Negeri Perak dalam Majlis Amanat Ketua Pengarah Tahun 2026.

Semoga amanat yang disampaikan dapat dilaksanakan oleh semua pegawai MAQIS dengan penuh iltizam dan tanggungjawab, serta terus komited, berintegriti dan berdisiplin tinggi dalam melaksanakan tugas, selaras dengan visi dan misi MAQIS untuk memperkasa kawalan biosekuriti negara serta meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.





9 Februari 2026 | Kajang

KUNJUNGAN HORMAT MAQIS KE IBU PEJABAT JABATAN PENJARA MALAYSIA

MAQIS telah mengadakan kunjungan hormat ke Ibu Pejabat Jabatan Penjara Malaysia yang diketuai oleh YBr. Tuan Muhammad Ezamry bin Arpan, Pengarah Bahagian Import, Eksport dan Data MAQIS.

Kunjungan hormat tersebut telah disambut oleh YBhg. KJP Dato' Haji Abdul Aziz bin Abdul Razak, Komisioner Jeneral Penjara, dan diteruskan dengan sesi menandatangani buku pelawat sebagai simbol penghormatan serta pengukuhan hubungan kerjasama antara kedua-dua agensi.

Sesi perbincangan rasmi seterusnya telah diadakan di Bilik Mesyuarat Timbalan Komisioner Jeneral Penjara (Keselamatan dan Koreksional) dan dipengerusikan oleh YBr. KP Rosoman bin Abu Bakar @ Che Din, Pengarah Bahagian Keselamatan dan Ketenteraman Penjara yang menjalankan tugas Timbalan Komisioner Jeneral Penjara (Keselamatan dan Koreksional), bagi membincangkan pelbagai aspek kerjasama strategik melibatkan perkongsian maklumat, integrasi data serta penyelarasan operasi antara MAQIS dan Jabatan Penjara Malaysia.





kpkM MALAYSIA MADANI MAQIS PULAU PINANG

10 Februari 2026 | Butterworth,
Pulau Pinang

LAWATAN KERJA: PEMANTAPAN KERJASAMA STRATEGIK ANTARA MAQIS KEDAH & MAQIS PULAU PINANG

Pengarah MAQIS Negeri Kedah, Tuan Hisham bin Abu Bakar, telah mengadakan lawatan kerja ke Pejabat MAQIS Pulau Pinang.

Lawatan ini turut disertai oleh 13 orang pegawai dari MAQIS Negeri Kedah bagi melihat prosedur operasi kuarantin yang dilaksanakan oleh MAQIS Pulau Pinang.

11 Februari 2026 | Rantau Panjang,
Kelantan

KURSUS PENGUKUHAN KOMPETENSI PEGAWAI PENYIASAT

Kursus anjuran Unit Penguatkuasaan dan Regulatori (UPR), MAQIS Negeri Kelantan telah diadakan pada 9 Februari 2026 (Isnin) bagi memperkasa pengetahuan, kemahiran serta profesionalisme pegawai dalam melaksanakan tugas penyiasatan secara lebih efektif, berintegriti dan selaras dengan peruntukan undang-undang yang berkuat kuasa.



11 Februari 2026 | Butterworth, Pulau Pinang

MEMPERKUKUH KERJASAMA DUA HALA: LAWATAN KERJA WAKIL KEDUTAAN AMERIKA SYARIKAT KE MAQIS PULAU PINANG

MAQIS Negeri Pulau Pinang telah menerima kunjungan hormat daripada wakil Kedutaan Amerika Syarikat di Malaysia dalam satu sesi lawatan kerja yang diadakan di Pejabat MAQIS, Butterworth Wharves Cargo Terminal.

Lawatan ini bertujuan untuk memperkukuh hubungan dua hala serta mengadakan perbincangan berhubung prosedur kuarantin dan pematuhan syarat import dan eksport komoditi pertanian, haiwan serta produk perikanan antara Malaysia dan Amerika Syarikat.





11 Februari 2026 | Jitra, Kedah

PROGRAM INDIVIDUAL PHYSICAL FITNESS TEST (IPFT) MAQIS NEGERI KEDAH SIRI 1/2026

Program ini telah berjaya dilaksanakan di Tasik Darul Aman, Jitra, Kedah dengan penyertaan seramai 31 orang pegawai MAQIS Negeri Kedah.

Program ini merupakan salah satu inisiatif berterusan dalam memastikan tahap kecergasan fizikal, disiplin serta kesiapsiagaan anggota sentiasa berada pada tahap optimum, selaras dengan tuntutan tugas dan tanggungjawab yang dipikul.





16 Februari 2026 | Sepang, Selangor

KUNJUNGAN HORMAT KOMANDER AGENSI KAWALAN DAN PERLINDUNGAN SEMPADAN (AKPS) PELABUHAN KLANG KE ATAS PENGARAH MAQIS NEGERI SELANGOR

Pengarah MAQIS Negeri Selangor, Tuan Abdul Muhyi bin Mohamad Hatta, telah menerima kunjungan hormat daripada Komander AKPS Pelabuhan Klang, DCP Datuk Nik Ezanee bin Mohd Faisal. Kunjungan ini bertujuan untuk membina hubungan kerjasama strategik yang kukuh antara MAQIS dan AKPS, serta membincangkan isu-isu berkaitan MAQIS-AKPS di pintu masuk sekitar Pelabuhan Klang.





Sekalung Penghargaan &

Terima Kasih

**TUAN SHAMSUL AKBAR
BIN SULAIMAN**

atas sumbangan dan jasa bakti sepanjang
menjalankan tugas


**KETUA PENGARAH
JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN
PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)**

Ikhtisas daripada
Timbalan Ketua Pengarah dan Seluruh
Warga Kerja Jabatan Perkhidmatan
Kuarantin Dan Pemeriksaan Malaysia
(MAQIS)



www.maqis.gov.my

@maqismalaysia



kpk

**MALAYSIA
MADANI**





Tahniah

TUAN MOHAMAD SHAFFIE BIN HASSAN

atas pelantikan sebagai

**KETUA PENGARAH
JABATAN PERKHIDMATAN
KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN
MALAYSIA (MAQIS)**

Selamat Datang &

Selamat Bertugas

Ikhlās Daripada:

**SELURUH WARGA KERJA JABATAN PERKHIDMATAN
KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)**



www.maqis.gov.my



[maqismalaysia](https://www.instagram.com/maqismalaysia)



KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN KETERJAMINAN MAKANAN



SELAMAT

TAHUN BAHARU CINA

2026

Ikhlas Daripada

**KETUA PENGARAH DAN SELURUH WARGA KERJA
JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN
PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)**



Selamat Menjalani **IBADAH PUASA** 1447 Hijrah

Ikhlas Daripada

KETUA PENGARAH DAN SELURUH WARGA KERJA
JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN
PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)

11

21 & 22 Februari 2026 | Padang Besar, Perlis

LAWATAN KERJA TIMBALAN KETUA PENGARAH MAQIS KE NEGERI PERLIS

MAQIS Negeri Perlis telah menerima lawatan kerja daripada Timbalan Ketua Pengarah MAQIS. Fokus utama lawatan turun padang ini adalah untuk memantau dan menilai secara dekat keberkesanan pelaksanaan projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) di peringkat negeri. Selain itu, delegasi turut membuat tinjauan ke pintu masuk sempadan negara serta fasiliti premis kuarantin swasta di sekitar negeri Perlis. Pemantauan berterusan ini amat penting bagi memastikan standard prosedur operasi (SOP) dipatuhi, sekali gus memastikan tahap biosekuriti negara sentiasa berada pada tahap optimum.

MAQIS sentiasa komited dalam memperkasakan perkhidmatan dan infrastruktur demi kelestarian sekuriti makanan Malaysia.





Sidang Redaksi

PENAUNG

TUAN MOHAMAD SHAFFIE BIN HASSAN

Ketua Pengarah MAQIS

PENASIHAT

DR. AZHARI SHARIDAN BIN ABU BAKAR

Timbalan Ketua Pengarah MAQIS

KETUA EDITOR

MOHAMMAD FADZLI BIN MOHD NAIM

Unit Komunikasi Korporat MAQIS

EDITOR

DEL PIERO ANAK CHAMGAN

Unit Komunikasi Korporat MAQIS